

PERUSAHAAN PELANCONGAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: BOLEHKAH IA BERKEMBANG*

*Mohammad Raduan Mohd Ariff &
Mohammad Sharir Mohammad Raduan*

Abstract

This paper discusses the tourism industry of Brunei Darussalam which is one of the industries employed by the government for diversifying the economy. This is done as a preemptive move in case the oil and natural gas sources are drained. Although Brunei is a small country, it has many products and tourist spots either man-made or natural. However, Brunei faces various problems in the development of its tourism industry even beforehand. This paper is based on the field work done from 2005 till 2007 under the research project "East Asean Growth (BIMP-EAGA): Between Hope and Reality". This project is funded by the University of Malaya under the scheme Fundamental Research Project FP083/2005C.

Pengenalan

Kertas ini membincangkan tentang perusahaan pelancongan di Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi. Tindakan ini dilakukan sebagai langkah persediaan awal untuk negara menghadapi keadaan sekiranya negara Brunei kehabisan sumber minyak dan gas asli. Brunei walaupun sebuah negara yang kecil, namun begitu ia mempunyai banyak produk dan lokasi tarikan pelancong, semada wujud secara semula jadi atau pun yang dibina oleh manusia. Bagaimana pun dalam usaha membangunkan industri pelancongan, Brunei menghadapi beberapa keadaan tersendiri yang melembapkan pembangunan industri tersebut. Sebelum itu Brunei juga menghadapi masalah pentakrifan atau definisi pelancongan itu sendiri.

Latar Belakang Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam terletak di barat laut Pulau Borneo, di antara garis-garis bujur timur 114° 04' dan 11° 23' dan garis-garis lintang utara 4° 00' dan 5° 05'. Keluasannya 5,765 km persegi dan mempunyai pesisir pantai sepanjang kira-kira 161 km menghadap Laut China Selatan.¹ Laut China Selatan menjadi sempadan di utara dan bahagian-bahagian lain bersempadankan Sarawak yang membahagikan Negara Brunei kepada dua bahagian, di bahagian timur Daerah

Temburong dan di bahagian barat terdiri dari Daerah-daerah Brunei Muara, Tutong dan Belait.

Bandar Seri Begawan yang terletak dalam Daerah Brunei Muara, merupakan ibu negeri bagi Negara Brunei Darussalam dengan keluasannya kira-kira 16 km persegi dan penduduk seramai lebih kurang 28 ribu orang (Banci Penduduk 2001) termasuk Kampung Ayer. Bandar-bandar lain yang bersaiz jauh lebih kecil ialah pekan Muara, terletak kira-kira 41 km di timur laut Bandar Seri Begawan di mana terletak pelabuhan utama, pekan Seria iaitu pusat perusahaan minyak dan gas, Kuala Belait, Pekan Tutong dan Bangar yang masing-masing merupakan pusat pentadbiran bagi daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2005 terdapat seramai 370,100 penduduk. Kumpulan bangsa terbesar ialah Melayu² yang terdiri dari 246,900 orang (66.71%), diikuti oleh Cina 41,400 orang (11.19%) dan Lain-lain Bangsa 81,800 orang (22.10%). Daerah Brunei/Muara mempunyai jumlah penduduk yang terbesar seramai 255,600 orang (69.06%), Daerah Belait 61,800 orang (16.70%), Daerah Tutong 43,200 orang (11.67%) dan Daerah Temburong mempunyai jumlah penduduk yang paling kecil seramai 9,500 orang (2.57%).³

Seperti yang diketahui umum, sejak tahun 1932 hingga kini Brunei terkenal sebagai sebuah negara pengeluar minyak dan gas asli. Pada tahun 2005, purata pengeluaran minyak mentah negara berjumlah 201 tong sehari.⁴ Sementara purata pengeluaran gas bagi tahun tersebut adalah kira-kira 33 juta meter padu sehari yang mana sebahagian besarnya dieksport sebagai gas cecair asli ke negara Jepun dan Korea Selatan. Pada tahun 2005 minyak dan gas asli menyumbang sebanyak 66.4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)⁵ Dengan hasil minyak sebanyak 10,540.5 juta BND setahun (2005),⁶ Brunei menjadi sebuah negara terkaya di Asia Tenggara. Bagaimana pun sejak kebelakangan ini, kerajaan Brunei cuba mengurangkan pergantungan kepada minyak dan gas asli dengan cara mempelbagaikan ekonominya dengan membangunkan sektor-sektor bukan minyak, seperti perindustrian, pertanian, perbankan, pengangkutan, perhubungan dan tidak ketinggalan sektor pelancongan. Ini bermakna negara Brunei baharu sahaja menceburi industri pelancongan. Ekonomi Brunei secara umum digambarkan seperti berikut:

“With a total GDP of around US\$6.5 billion and per capita GDP of around US\$18.3 thousand (2002), Brunei’s resource-rich (oil and natural gas) economy affords its population high living standards,...Brunei’s main exports consist of three –crude oil, petroleum products, and liquefied natural gas – making it a significant player in the regional economy. The government is currently working towards economic diversification – in which tourism plays an important role – as well as encouraging foreign investment, and developing education and human resources”.⁷

Tindakan di atas sebagai langkah awal negara bersedia untuk menerima cabaran akan datang, apabila simpanan minyak dan gas asli habis dan sumber baru diperlukan bagi memastikan rakyat Brunei dapat meneruskan taraf hidup yang ada sekarang.

Kedudukan Semasa Perusahaan Pelancongan Negara Brunei Darussalam

Menurut laporan *World Tourism Organization* (WTO) negara-negara Asia Tenggara pada tahun 2000, menerima 25% daripada pelancong dunia dan pada masa ini memperlihatkan trend yang terus meningkat. Perkembangan ini menyebabkan Brunei terpaksa menghadapi saingan yang sangat hebat daripada negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia.⁸

Jadual 1 di bawah memperlihatkan bilangan pelancong yang tiba di Negara Brunei Darussalam dari tahun 1998 hingga tahun 2005. Jadual 1 tersebut memperlihatkan bilangan pelancong yang datang ke Brunei menunjukkan trend yang berkurangan dari 964,080 orang pada tahun 1998 kepada 815,054 orang pada tahun 2005.

Daripada Jadual tersebut didapati Brunei menerima pelancong daripada Malaysia yang paling banyak, khususnya daripada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Secara purata Malaysia menyumbangkan lebih kurang 78.99% daripada jumlah pelancong yang datang ke Brunei. Jumlah ini 29 kali ganda lebih tinggi daripada negara yang ke dua tertinggi dalam senarai di atas, iaitu United Kingdom yang secara purata menyumbangkan 2.7% daripada jumlah keseluruhan pelancong yang masuk ke Brunei.

Persoalan yang timbul di sini ialah adakah rakyat Malaysia yang berkunjung ke Brunei ini benar-benar pelancong yang dimaksudkan. Perangkaan rasmi menunjukkan kebanyakan mereka merupakan pelancong merentasi sempadan, yang rata-ratanya masuk mengikut jalan darat dan melibatkan perjalanan pulang hari. Daripada pemerhatian lapangan, didapati kebanyakan mereka terdiri daripada penduduk yang tinggal di daerah Limbang, Lawas dan Miri, Sarawak. Selain daripada itu, penduduk dari daerah Sipitang, Beuford dan Weston, Sabah juga melakukan perkara yang sama. Mereka ini dari segi sejarah mempunyai hubungan yang erat, malah sebilangan daripada mereka mempunyai hubungan tali persaudaraan dengan rakyat Brunei. Mereka berkunjung ke Brunei, biasanya pada hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad dan juga semasa cuti umum dan cuti persekolahan di Malaysia.

Daripada analisis data rasmi yang dilakukan, didapati secara purata rakyat Malaysia berkunjung ke Brunei di atas sebab-sebab berikut. Sebanyak 2.79% kerana menjalankan urusan perniagaan; 5.43% transit; 2.76% melawat tempat-tempat (sightseeing); 29.08% menziarahi saudara mara dan sahabat handai (VFR) dan selebihnya 59.94% kerana lain-lain sebab. Ini bermakna rakyat Malaysia yang melawati Brunei dalam erti kata pelancongan yang sebenarnya tidaklah ramai.

Produk Pelancongan Di negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang berkonsepkan 'Melayu Islam Beraja'. Negara ini merupakan sebuah negara yang mengaulkan di antara nilai-nilai Melayu yang terbaik, ajaran Islam yang unggul dan mengamalkan cara hidup saling hormat-menghormati di antara rakyat dan raja.⁹ Oleh yang demikian, pembangunan dan perkembangan sektor pelancongannya perlu mengambil kira, malah mendasari konsep ini. Sesuatu yang bercanggah dengan konsep "Melayu Islam Beraja" perlu dihindarkan, walaupun ia mungkin menjadi pemangkin kepada

Jadual 1: Bilangan Pelancong Yang Tiba di Brunei Darussalam Mengikut Negara 1998-2005

| NEGARA | 1998 | 1999 | 2000 | 2001 | 2005 |
|---------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| ASEAN | | | | | |
| Kemboja | 17 | 145 | 105 | 103 | 64 |
| Indonesia | 30062 | 37732 | 38325 | 40217 | 43421 |
| Laos | 115 | 157 | 81 | 142 | 102 |
| Malaysia | 769093 | 757588 | 756026 | 654104 | 667692 |
| Myanmar | 952 | 621 | 381 | 366 | 327 |
| Filipina | 30751 | 37559 | 48878 | 39524 | 46853 |
| Singapura | 23718 | 23226 | 21966 | 15230 | 8109 |
| Thailand | 8751 | 8898 | 9857 | 9239 | 6759 |
| Vietnam | 253 | 923 | 381 | 483 | 198 |
| JUMLAH | 863,712 | 866,849 | 876,000 | 759,408 | 773,525 |
| AMERIKA | | | | | |
| Kanada | 4379 | 4108 | 4305 | 3259 | 1362 |
| United States | 5805 | 4643 | 5164 | 3149 | 1951 |
| Lain-lain | - | - | - | - | 217 |
| JUMLAH | 10,184 | 8,751 | 9,469 | 6,408 | 3,530 |
| ASIA TIMUR | | | | | |
| China | 707 | 1438 | 6209 | 6369 | 4505 |
| Hong Kong | 458 | 557 | 618 | 415 | 263 |
| Japan | 6639 | 3172 | 3968 | 2488 | 1607 |
| Rep. Korea | 1633 | 1544 | 1741 | 1051 | 1123 |
| Taiwan | 4984 | 6608 | 9449 | 6324 | 834 |
| Lain-lai | - | - | - | 5 | 4097 |
| JUMLAH | 14,421 | 13,319 | 21,985 | 16,652 | 12,429 |
| ASIA TIMUR PASIFIK | | | | | |
| Australia | 10464 | 13176 | 11962 | 7916 | 3360 |
| New Zealand | 4027 | 3736 | 2801 | 2167 | 1876 |
| Lain-lain | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 14,491 | 16,914 | 14,763 | 10,083 | 5,236 |
| ASIA SELATAN | | | | | |
| Bangladesh | 658 | 617 | 1230 | 1666 | - |
| India | 4868 | 5724 | 6237 | 6389 | 5211 |
| Nepal | 5939 | 4316 | 7120 | 5242 | - |
| Pakistan | 994 | 1228 | 1053 | 1290 | - |
| Sri Lanka | 641 | 616 | 528 | 362 | - |
| Lain-lain | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 13,100 | 12,501 | 16,168 | 14,949 | 5,211 |

| EROPAH | | | | | |
|----------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Austria | 199 | 192 | 187 | 98 | 86 |
| Belgium | 205 | 238 | 197 | 222 | 119 |
| Denmark | 340 | 348 | 191 | 229 | 71 |
| Finland | 53 | 70 | 53 | 79 | 40 |
| France | 2129 | 1768 | 1394 | 857 | 481 |
| Germany | 2871 | 3031 | 4175 | 1937 | 1339 |
| Rep.of Ireland | 476 | 454 | 299 | 217 | 169 |
| Italy | 338 | 203 | 232 | 313 | 193 |
| Netherlands | 3357 | 3547 | 3250 | 2730 | 897 |
| Norway | 326 | 354 | 349 | 291 | 107 |
| Russia | - | - | - | 88 | 53 |
| Spain | 104 | 63 | 136 | 104 | 80 |
| Sweden | 385 | 384 | 349 | 323 | 231 |
| Switzerland | 386 | 420 | 383 | 261 | 159 |
| United Kingdom | 31500 | 33793 | 30533 | 22726 | 10129 |
| Lain-lain | - | - | - | 19 | 274 |
| JUMLAH | 42,669 | 44,865 | 41,728 | 30,494 | 14,428 |
| TIMUR TENGAH | | | | | |
| Bahrin | - | - | - | 18 | 4 |
| Oman | - | 886 | 781 | 431 | 90 |
| Saudi Arabia | - | - | - | 183 | 54 |
| United Arab Emirates | - | - | - | 104 | 52 |
| Kuwait | - | - | - | 63 | 5 |
| Qatar | - | - | - | - | - |
| Unknown | 20 | - | - | - | 259 |
| Lain-lain | 5483 | 2599 | 3199 | 1479 | 231 |
| JUMLAH | 5,503 | 3,485 | 3,980 | 2,278 | 695 |
| JUMLAH BESAR | 964,080 | 966,684 | 984,093 | 840,272 | 815,054 |

Sumber: Data yang di kumpul dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Negara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

kemajuan dan perkembangan perusahaan pelancongan di negara-negara lain di dunia.

Dengan mendukung konsep di atas, Brunei mempunyai produk-produk pelancongan¹⁰ yang mempunyai ciri-ciri tersendiri, yang amat berbeza dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain seperti yang akan dijelaskan di bawah.

Produk Pelancongan Berkonsepkan Beraja

Sebagai sebuah negara yang mengekalkan pentadbiran beraja di Asia Tenggara, negara ini telah menjadikan lokasi-lokasi yang berunsurkan pemerintahan beraja tersebut dijadikan sebagai produk pelancongan. Antaranya seperti yang dijelaskan di bawah:

Lapau dan Dewan Majlis (Royal Ceremonial Hall & Parliament House)

Tempat ini merupakan tempat baginda Sultan dimahkotakan pada 1hb. Ogos 1968. Selain daripada itu tempat ini juga dijadikan tempat mengadakan upacara-upacara perayaan tradisi diraja.

Istana Nurul Iman – Istana ini merupakan tempat kediaman Sultan Brunei, yang merupakan istana terbesar di dunia. Istana ini dibina dalam reka bentuk yang sangat menarik daripada bahan binaan yang mewah. Rakyat jelata dan tetamu dibenarkan masuk ke istana ini pada Hari Raya Aidilfitri untuk bertemu dan mengucapkan selamat kepada baginda Sultan.

Istana Mengalela – Istana ini merupakan tempat singgah Sultan Brunei ketika melawat Belait, yang terkenal dengan pengeluaran minyak dan gas asli.

Bangunan Alat Kebesaran Diraja (The Royal Regalia Building) – Bangunan ini mempunyai galeri-galeri pameran seperti berikut; Pameran Alat-alat Kebesaran Diraja; Galeri Pameran Diraja; Galeri Pameran Jubli Perak; Galeri Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Pusat Sejarah Brunei – Telah dibina pada tahun 1982, dijadikan sebagai pusat untuk mengkaji sejarah Negara Brunei Darussalam. Keistimewaan tempat ini ialah terdapatnya mengenai salasilah Sultan dan Kerabat Diraja Brunei.

Makam Sultan Bolkiah – Makam ini tempat bersemadi seorang Sultan Brunei yang termasyhur sebagai seorang pelayar, pahlawan dan seniman yang memerintah Brunei semasa zaman keagungannya. Sultan ini merupakan seorang yang disanjung dan diagungkan oleh rakyat Brunei.

Silver Jubilee Park – Taman ini terletak di Daerah Belait. Kawasan seluas 2,679 hektar ini merupakan hadiah rakyat Brunei kepada Sultan semasa sambutan tahun ke 25 baginda memerintah. Di taman ini terdapat pondok pameran, taman permainan, kawasan berkelah, pintu gerbang yang mempamerkan masyarakat Melayu Islam Beraja.

Produk Pelancongan Berkonsepan Islam

Agama rasmi Negara Brunei Darussalam seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara ialah Islam bermazhab Sunni. Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian rakyat dan pentadbiran negara Brunei. Sultan merupakan pemimpin utama agama dan negara. Walaupun agama Islam sebagai agama rasmi, namun begitu negara ini tidak menghalang rakyat bukan Islam mengamalkan amalan agama masing-masing. Untuk menyebarkan syiar Islam, masjid-masjid secara tidak langsung telah dijadikan sebagai produk pelancongan. Antara masjid yang terkenal ialah:

Masjid Omar Ali Saifuddin – Masjid ini terletak di dalam Bandar Seri Begawan. "This gleaming white and gold edifice in Brunei's most iconic mosque, featuring Italian marble and granite floors, stained glass and chandeliers, and surrounded by a tranquil lagoon where a replica of the royal barge rests. It is a place of quiet contemplation, reflection and tranquility and is devoutly respected by Bruneian people."¹¹

Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah – Sementara itu masjid ini dijelaskan "Towering over the skyline of the capital, a constant reminder of the important of Islam to the Bruneian people, stands this stunning mosque, often called the greatest example of Islamic architecture in Southeast Asia. Twenty-nine golden domes skimmer in opulence, while intricately ornamented minarets and landscaped

gardens make this one of Brunei's most unforgettable and revered cultural landmarks".¹²

Produk Pelancongan Berkonsepkan Melayu

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini orang Melayu merupakan penduduk majoriti negara ini. Oleh yang demikian, produk-produk pelancongan yang ada lebih kepada memperagakan tentang orang-orang Melayu baik dari segi sejarah, budaya, adat istiadat, tradisi, kepercayaan, kesenian dan sebagainya. Namun begitu ruang masih diberikan kepada bangsa yang lain seperti Cina dan penduduk asli negeri itu.

Pusat Seni dan Kerja tangan – yang memperlihatkan kemahiran rakyat Brunei dalam membuat perahu, bertukang emas, perak dan gangsa dan juga dalam anyam menganyam tikar dan bakul. Selain daripada itu pelawat juga dapat melihat senjata Melayu, ukiran kayu, permainan tradisional, alat muzik tradisional, silat dan barang-barang hiasan untuk wanita.

Kampung Air – merupakan tempat tinggal kepada lebih kurang 30,000 penduduk, yang telah wujud sejak kurun ke lima lagi. Di tempat ini terdapat Muzium Mini Kampung Air yang memperlihatkan cara orang Brunei membuat perahu dan cara menenun kain broked.

Muzium Brunei – Mempunyai enam galeri pameran yang terdiri daripada galeri seni Islam; galeri sejarah dan teknologi; galeri ilmu kejadian; galeri tradisi kebudayaan; galeri pameran arkeologi dan sejarah Brunei Darussalam dan galeri pameran sementara.

Muzium Teknologi Melayu – Muzium ini memperlihatkan cara hidup orang Melayu di Brunei masa lampau yang amat berbeza dengan kehidupan hari ini. Di muzium ini juga diperlihatkan kemahiran orang Melayu dalam membuat perahu, membuat senjata, bertukang emas, perak dan gangsa, menganyam tikar dan bakul, menenun kain dan sebagainya. Tidak ketinggalan diperlihatkan juga bentuk dan seni bina rumah Melayu lama.

Tamu – Tamu merupakan pasar sepagi yang dijadikan oleh penduduk tempatan untuk menjual makanan tempatan, buah-buahan, sayur-sayuran, dan kerja tangan. Tamu merupakan pasar tradisi yang diwarisi yang dahulunya menjual hasil mahsul yang di bawa dari kawasan pedalaman. Tamu ini juga menjadi tumpuan pelancong, kerana pelancong ingin tahu tentang cara penduduk tempatan berjualan. Tamu-tamu yang terkenal di Brunei termasuklah Tamu Kianggeh, Tamu Tutong Kampung Serambangan, Tamu Hujung Minggu, Tamu Sungai Mahu, Tamu Seria dan Tamu Kuala Belait.¹³

Rumah panjang Labi – Rumah panjang ini terletak di Belait. Ia merupakan rumah panjang masyarakat Iban Mandaram, yang didiami oleh 12 keluarga yang terdiri daripada 100 orang.

Rumah panjang Tradisional Kuala Balai – Rumah panjang ini mempamerkan seni bina rumah (tikar lampit), budaya dan cara hidup tradisi orang Melayu Belait. Ditunjukkan juga herba yang dimakan dan dijadikan ubat-ubatan dalam kehidupan masyarakat pada masa itu. Makanan tradisi yang terkenal "*ambuyat*" juga turut dihidangkan. Selain daripada itu, ditunjukkan juga peti berisi tengkorak, dipercayai kepala musuh masyarakat Melayu Belait.

Taman Batang Duri – Terdapat rumah panjang yang didiami oleh puak asli yang masih menjalankan kegiatan pertanian pindah, terletak di tebing Sungai Temburong.

Taman Rekreasi Sungai Basong – Selain daripada tempat berkelah, di situ juga terletaklah ‘Rumah Budaya’ yang memperlihatkan cara hidup lima kumpulan etnik di daerah Tutong.

Produk Pelancongan Berasaskan Alam Semula Jadi

Selain daripada produk pelancongan yang berkonsepkan “Melayu Islam Beraja”, terdapat juga produk pelancongan yang berunsurkan alam semula jadi seperti hutan, pantai, tasik, air terjun, sungai dan lain-lain. Di lokasi alam semula jadi ini, selain menghayati penciptaan yang maha kuasa, pelancong boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti berkhemah, *mountain biking*, *whitewater rafting*, *rock climbing*, *sport fishing*, *wrack and reef diving*, *jungle hiking*.

Hutan Hujan Tropika

Brunei mempunyai hutan seluas 4,352 kilometer persegi iaitu 75% daripada keluasan negara itu. Daripada keluasan tersebut 37% daripadanya iaitu 2,120 batu persegi merupakan Hutan Simpanan Negeri.¹⁴ Hutan ini merupakan salah satu daripada produk *eko-pelancongan* yang boleh menarik kedatangan pelancong, khususnya pelancong antarabangsa.¹⁵ Dalam hal ini, lokasi yang paling utama ialah Taman Negara Ulu Temburung. Taman negara ini telah dilindungi sejak tahun 1991. Taman ini telah dijadikan sebagai tempat kajian saintifik tentang perhutanan dan juga sebagai “*low impact ecotourism*”. Taman ini merupakan hutan hujan tropika yang mempunyai beberapa spesies “*giant dipterocarp*” setinggi lebih daripada 50 meter. Pelancong yang datang ke sini akan merasai pengalaman naik bot panjang tradisional Iban yang dikenali sebagai *Temuai*. Berkunjung ke mari memberi pengalaman kepada pelancong untuk bermalam dalam khemah. Pengalaman tidur dalam hutan, akan memberi kefahaman dan mendekatkan diri dengan alam. Selain daripada diberi peluang berjalan tengah malam di dalam hutan, pelancong berpeluang mandi-manda di sungai dan air terjun, mempelajari pelbagai jenis tumbuhan dan herba tradisional yang digunakan untuk perubatan dan makanan oleh penduduk tempatan. Di hutan ini terdapat 40 daripada 80 spesies tumbuhan *Nepenthes pitcher* di dunia. Pengalaman menerokai hutan hujan tropika boleh juga didapati di Pusat Pengajian Lapangan Hutan Hujan Kuala Belalong.

Untuk mengetahui secara ringkas tentang perhutanan, pelancong boleh berkunjung ke Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang, Taman Rekreasi Hutan Luangan Lalak, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, Taman Rekreasi Hutan Barakas, dan Taman Rekreasi Hutan Peradayan.

Hutan Paya Gambut

Selain daripada hutan hujan tropika, negara ini juga mempunyai hutan paya gambut yang diliputi dengan tumbuhan “*lipstick palm*, *Cyrttustachys Renda*”. Kawasan hutan paya ini merupakan tempat tinggal bagi Beruang Matahari, Ungka Borneo, Harimau Bintang dan lapan jenis enggang.

Hutan Bakau

Selain daripada hutan di atas, Brunei juga mempunyai hutan bakau. Taman Bakau Pulau Selirong merupakan salah satu hutan bakau yang menjadi produk

pelancongan negara itu. Hutan ini meliputi kawasan seluas 2,566 hektar yang ditumbuhi oleh Bakau Minyak, Bakau Kurap, Nyireh Bunga, pokok nipah dan Linggadai. Pelancong datang ke mari untuk melihat fauna dan flora. Hutan bakau ini merupakan tempat tinggal monyet *Probiscus*, tupai terbang dan juga ular bakau. Di hutan bakau ini didapati dengan banyaknya *lottorinid snail*, ikan tembakul, ketam bakau dan Ambok (*long tailed Mocaque monkey (Macaca Fascicularis)*). Di hutan ini juga terdapat lebih daripada 40 jenis burung, sepuluh spesies mamalia lapan spesies reptilia dan pelbagai jenis serangga.

Air Terjun

Selain hutan, air terjun dan pantai juga menjadi tarikan pelancong. Di Brunei terdapat beberapa air terjun yang menjadi tumpuan pelancong, khususnya pelancong tempatan untuk berkelah dan mandi-manda di hujung minggu seperti Wasai Wong Kadir, Wasai Kandal, Wasai Mandaram dan Wasai Teraja.

Pantai

Berkelah dan mandi-manda juga dilakukan di pantai, seperti di Pantai Muara, Pantai Meragang (yang juga dikenali sebagai Pantai Buaya), Pantai Serasa, Pantai Seri Kenangan, Pantai Jerudong, dan Pantai Lumut. Di perairan pantai juga dilakukan aktiviti skuba, belayar dan pelbagai jenis sukan air. Dalam pada itu terdapat sebilangan pelancong, khususnya dari Eropah dan Australia yang suka menjalankan aktiviti menyelam. Mereka menyelam di kawasan perairan Teluk Brunei untuk melihat kapal-kapal tenggelam di lokasi-lokasi yang dikenali sebagai Cement Wreck, Blue Water Wreck, American Wreck dan Australian Wreck.

Tasik

Taman Warisan Tasik Marimbun – Merupakan tasik berair hitam yang terbesar di Brunei. Ia telah diisytiharkan sebagai *ASEAN National Heritage* pada tahun 1984 meliputi kawasan seluas 7,800 hektar. Tasik ini mempunyai hutan primer dan sekunder juga hutan paya gambut. Pelbagai biodiversiti terdapat di sini, dan kawasan ini merupakan tempat tinggal *Borneo Gibbons*, *Maroon Languor's*, buaya, burung, dan lebih 40 jenis patong-patong (*dragonfly*). Selain daripada itu di kawasan persekitaran tasik ini terdapat pelbagai tumbuhan dan orkid.¹⁶

Lain-lain Produk Pelancongan

Taman dan Taman Tema Jerudong – Taman seluas 57 hektar ini mengandungi *roller coasters; roller skating rink; go-kart track; video arcade; dan shooting gallery*. Pada masa dahulu, taman ini merupakan tempat keluarga diraja bersuka ria. Bagaimana pun pada hari ini semua orang dibenarkan bermain dan bergembira di dalamnya.

Pusat Membeli Belah – Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, merupakan kompleks membeli belah terbesar di Negara Brunei Darussalam. Sementara **The Mall** merupakan kompleks membeli belah yang terbaru di negara itu.¹⁷

The Oil and Gas Discovery Centre (OGDC) – Terletak di Seria, dalam Daerah Belait. Pusat ini selain daripada dijadikan sebagai tempat rekreasi, ia juga bertujuan untuk pendidikan. Terdapat tujuh galeri yang mempamerkan secara saintifik dan

kejuruteraan bagaimana minyak dan gas dihasilkan. Minyak dan gas telah dikeluarkan secara komersil sejak tahun 1932.

Golf – Terdapat lima padang golf terbaik di Brunei. Kesemuanya bertaraf antarabangsa iaitu Royal Brunei Golf & Country Club yang direka cipta oleh Ronald Fream, Royal Brunei Airlines Golf Club yang direka cipta oleh Max Wexler, The Empire Golf & Country Club, Pantai Mentiri Golf Club dan Panaga Golf Club.¹⁸

The Billionth Barrel Monument – Sebuah monumen di Seria yang mengadunikan seni reka gerbang kontemporari dan seni bina lantai Islam, yang mengertikan kehidupan rakyat Brunei pada hari ini. Monumen ini merupakan satu mercu yang dibina untuk memperingati berbilion-bilion tong minyak keluaran negara, yang menjadi nadi ekonomi negara ini.

Bubongan Duabelas – Rumah ini telah dibina pada tahun 1906, merupakan tempat kediaman rasmi Residen British dan kemudiannya Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei.¹⁹ Ia antara bangunan tertua di Bandar Seri Begawan yang dapat bertahan. Pada masa ini dijadikan sebagai galeri untuk mempamerkan sejarah dan peristiwa penting memperlihatkan hubungan erat di antara Brunei dengan United Kingdom.²⁰

Penjelasan di atas mengutarakan produk-produk pelancongan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Perlu dijelaskan di sini kebanyakan daripada lokasi pelancongan tersebut terletak di Daerah Brunei Muara, khususnya di dalam Bandar Seri Begawan. Sementara itu produk pelancongan yang berasaskan alam semula jadi kebanyakannya terletak di Daerah Temburong.

Walaupun Brunei mempunyai banyak produk pelancongan, namun begitu bukan semuanya berjaya menarik perhatian pelancong, lebih-lebih lagi pelancong antarabangsa. Pada tahun 1966 Universiti Brunei Darussalam telah menjalankan satu kajian berhubung dengan pelancongan, dan mendapati pelancong melawati tempat-tempat berikut; Taman Permainan Jerudong (53.3%); Kampung Ayer (49.8%); Masjid Jame' Asr Hassanal Balkiah (46.9%); Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin (42.3%); Muzium Brunei (31.6%); Muzium Royal Regalia (29.6%); dan Taman Negara Temburong (9.4%). Lain-lain tempat peratusannya tersangat kecil.

Masalah Kelembapan Pembangunan Pelancongan Negara Brunei Darussalam

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Negara Brunei Darussalam baharu sahaja menceburi perusahaan pelancongan, iaitu selepas kerajaan bertindak mempelbagaikan ekonomi negaranya. Maka dengan itu, selain daripada perlu bersaing dengan negara-negara Asia Tenggara yang telah mantap dalam sektor ini seperti Thailand, Indonesia dan Singapura, Brunei perlu mengenal pasti kekurangan yang ada dan bertindak mengatasi, meningkat dan melonjakkan pembangunan pelancongan di negaranya. Di antara halangan dan cabaran yang dihadapi adalah seperti yang akan dihuraikan di bawah;

Melancong Dalam Negeri

Cabaran yang agak besar adalah untuk mengubah paradigma rakyat Brunei terhadap pelancongan. Bagi kebanyakan orang Brunei, istilah melancong atau makan angin itu bermaksud berpergian ke luar negeri. Mereka tidak menganggap berpergian keluar daerah sebagai melancong. Ini kerana Negara Brunei yang kecil

menyebabkan semua orang boleh sampai ke mana-mana daerah di negara itu tanpa bermalam. Berpergian tanpa bermalam, tidak dapat dianggap sebagai melancong oleh kebanyakan pengkaji. Sekiranya takrifan itu diterima, bermakna tidak ada pelancongan dalam negeri bagi orang Brunei. Anggapan di atas tidak tepat sepenuhnya, kerana terdapat juga sebilangan kecil rakyat Brunei yang bermalam di lokasi pelancongan seperti di Taman Negara Temburong.

Bagaimana pun kebanyakan orang Brunei tidak suka melancong dalam negeri. Mereka suka pergi keluar negeri setidaknya-tidaknya ke Sabah (Kota Kinabalu), Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak (Kuching, Limbang dan Miri), Singapura, Semenanjung Malaysia, Indonesia (Balikpapan, Banjarmasin, Pontianak), dan Thailand. Dalam pada itu tidak pula dinafikan ramai di antara mereka yang melancong ke tempat-tempat lain di dunia seperti ke Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain. Kebelakangan ini untuk menggalakkan rakyat Brunei melancong dalam negeri, Jabatan Pelancongan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan kempen "Kenali Negara Kitani".

Persaingan harga

Negara Brunei agak sukar untuk menarik ramai pelancong ke negaranya disebabkan menghadapi masalah dalam persaingan harga. Secara bandingan pelancongan di Brunei adalah mahal jika dibandingkan dengan destinasi pelancongan lain di Asia Tenggara. Kedudukan mata wang yang lemah di kebanyakan negara Asia Tenggara, khususnya selepas krisis ekonomi, menyebabkan pelancong antarabangsa lebih senang datang ke tempat-tempat lain di Asia Tenggara. Umpamanya, pelancong antarabangsa menghabiskan banyak masa melancong di Pulau Bali, Indonesia dan di Pulau Phuket, Thailand.

Kebanyakan pelancong dari negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan lain-lain lagi, berpendapat melancong di Negara Brunei Darussalam tidak setimpal di antara tempat yang dilawati dengan kos melancong yang dikeluarkan. Ini disebabkan dari segi alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan, iklim, bentuk muka bumi, saliran dan lain-lain tidak banyak berbeza di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Bagaimana pun untuk melancong di negara tersebut, pelancong terpaksa mengeluarkan wang yang banyak disebabkan kadar tukaran mata wang Brunei yang kukuh, adalah tinggi. Umpamanya, pada September 2007 kadar tukaran satu Brunei Dollar adalah RM2.30.

Penginapan

Di Brunei hotel hampir keseluruhannya tertumpu di kawasan Bandar Seri Begawan dan juga di kawasan Gadong, untuk memenuhi keperluan golongan koperat, tidak begitu sesuai untuk bersantai. Permintaan daripada pelancong yang ingin bersantai adalah rendah sekitar 10% hingga 20% sahaja. Jadual 2 di bawah menunjukkan purata kadar penghunian bilik di Brunei tahun 2005 dan 2006. Dari segi purata jumlah peratusan didapati telah meningkat sedikit dari 40.32% kepada 42.64%. Satu perkara yang jelas, hotel-hotel yang sederhana murah seperti Traders Inn, Terrace Hotel dan Riviera Hotel kadar penghunian biliknya jauh lebih tinggi daripada hotel mewah dan hotel kelas pertama.

Hotel di Brunei tidak atau kurang diklasifikasikan mengikut standard antarabangsa. Ini menyulitkan operator pelancong antarabangsa dalam

Jadual 2: Average Room Occupancy Rate in Brunei


| Hotel | 2005 | 2006 |
|-----------------------------------|--------------|--------------|
| Abdul Razak Hotel Apartment | 15.75 | 22.65 |
| Brunei Hotel | 57.33 | 57.08 |
| D'Anggerik Service Apartment | 68.83 | 77.04 |
| Grand City Hotel | 53.67 | 50.42 |
| Halim Plaza Hotel (Tutong) | 55.50 | 51.42 |
| Hotel Koperasi Seria | 27.86 | 47.12 |
| Jubilee Hotel | 56.08 | 54.92 |
| Lukut Intan Guest House Temburong | 3.42 | 4.00 |
| Nazira Guesthouse | 1.61 | 19.75 |
| Orchid Garden Hotel | 30.50 | 37.36 |
| Riviera Hotel | 69.58 | 73.89 |
| Rizqun Hotel | – | 29.61 |
| See View Hotel | 14.25 | 12.92 |
| Sentosa Hotel | 56.75 | 64.75 |
| Sheraton Utama Hotel | 29.53 | 34.61 |
| Terrace Hotel | 67.05 | 44.71 |
| The Centrepoint Hotel | – | 25.35 |
| The Empire Hotel & Country Club | – | 39.54 |
| The Holiday Lodge | 18.52 | 19.40 |
| Traders Inn | 59.17 | 75.39 |
| Grand Total | 40.32 | 42.64 |

Sumber: Brunei Tourism, Ministry of Industry & Primary Resources, Brunei Darussalam.

memberikan penjelasan dan mengatur pelancong yang terlibat dalam pakej mereka. Seperti yang digambarkan dalam Gambar rajah 1 di bawah, pengelasan tempat tinggal adalah di buat mengikut kategori *First Class, Apartments, Budget* dan *Luxury*, sedangkan di negara lain hotel dikategorikan mengikut bilangan bintang. Daripada gambar rajah tersebut dapat dilihat hotel *budget* mula memperlihatkan peningkatan. Ini sebagai satu langkah bagi menyesuaikan dengan permintaan pelancong dari negara-negara ASEAN, yang menganggap semua benda di Brunei adalah mahal. Selain daripada itu, di Brunei masih terdapat banyak hotel lama yang perlu diambil tindakan baik pulih.

Pelancong antarabangsa ramai yang tidak berpuas hati, kerana hotel di Brunei tidak menghidangkan minuman beralkohol dan tidak ada hiburan di hotel. Sungutan ini banyak disuarakan oleh pelancong-pelancong golf (*golf tourism*), pelancong resort (*resort tourism*) dan pelancong yang terlibat dalam konferensi dan pameran (*conferences and exhibitions tourism*) Mereka merasakan hotel-hotel di Brunei patut mengadakan zon minuman beralkohol, seperti yang diadakan kepada zon merokok. Dengan tiadanya kebenaran menyajikan minuman beralkohol dan tiadanya hiburan di resort dan hotel, menyebabkan agak sukar bagi Brunei untuk menandingi Indonesia, Thailand dan Malaysia. Negara-negara Asia Tenggara ini, selain mampu bersaing dari segi harga, mereka juga dapat menyediakan

Gambar rajah 1: Bilangan Tempat Penginapan Di Brunei Mengikut Jenis 1998 dan 2001



Sumber: Brunei Tourism, Ministry of Industry & Primary Resources, Brunei Darussalam.

perkhidmatan bermutu tinggi sebanding dengan perkhidmatan yang sama di peringkat antarabangsa. Dengan yang demikian, Brunei di masa akan datang tidak seharusnya memberikan tumpuan serius kepada pembangunan *golf tourism*, *resort tourism* dan *conferences and exhibitions tourism*. Tambahan pula *golf tourism* memberi kesan negatif kepada alam sekitar kerana penggunaan air, racun dan baja yang banyak bertujuan memelihara dan mencantikkan padang golf.

Larangan minuman beralkohol dan tiadanya hiburan, tidak memberi kesan kepada pelancong-pelancong lain, seperti pelancong yang singgah sementara (*stopover*) atau menjadikan Brunei sebagai sebahagian kecil daripada trip yang lebih besar seperti "Jelajah Borneo". Ini disebabkan mereka tidak tinggal lama di Brunei. Selain daripada itu, kesan juga tidak dirasakan oleh pelancong yang mempunyai minat tersendiri seperti berenang, menyelam, melihat burung dan *eko-pelancongan*.

Selain daripada masalah di atas, tempat penginapan di Brunei menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja. Tenaga kerja daripada rakyat Brunei sukar didapati kerana kurang orientasi pekerjaan dan kurang peluang latihan pekerjaan. Tambahan lagi rakyat Brunei menganggap pekerjaan di sektor ini memperoleh gaji dan faedah yang rendah. Bagi mengatasi masalah ini, tindakan yang diambil adalah dengan mengambil tenaga buruh asing, khususnya dari Filipina, Malaysia dan Indonesia.

Agen Pelancongan

Di Brunei permintaan produk pelancongan adalah bermusim. Pelancong ramai semasa akhir tahun sekitar bulan Disember dan semasa awal tahun sekitar bulan Januari. Bulan-bulan yang lain bilangannya adalah berkurangan. Masalah yang timbul ialah terlampau banyak agen pelancongan berlesen untuk membawa pelancong yang terhad, khususnya untuk sektor "*outbound*". Jadual 3 di bawah memperlihatkan bilangan pelancong yang dikendalikan oleh agen pelancongan di Brunei pada tahun 2005 dan 2006.

Jadual 3: Bilangan Pelancong Yang Dikendalikan oleh Operator dan Agen Pelancongan di Negara Brunei Darussalam Tahun 2005 dan 2006

| Tour Operator/ Traavel Agents | 2005 | 2006 |
|--|---------------|---------------|
| Mas Sugara Travel Services Sdn. Bhd. | 2,440 | 622 |
| D.D.L. tour Operators Sdn. Bhd, | 14 | 19 |
| Centry Travel Cebtre Sdn.Bhd. | 436 | 358 |
| Ken Travel & Trading Sdn. Bhd. | 2 | - |
| Pan Bright Travel Services | 1,115 | - |
| Jasra Horrison Sdn. Bhd. | 251 | 236 |
| Sunshine Borneo Tours & Travel Sdn. Bhd. | 15,314 | 13,309 |
| Badan Pelancongan MPR Kg Bukit Udal | 57 | - |
| Southern Cross Travel Agencies Sdn. Bhd. | 977 | - |
| Anthony Tours & Travel Agencies Sdn. Bhd. | 1,350 | 276 |
| Frame Travel Services Sdn. Bhd. | 15,034 | 12,908 |
| MegaBorneo Marketing Services | 5,005 | 3,205 |
| Tenaga Travel Agency Sdn. Bhd. | 246 | - |
| GoodMiles Sdn. Bhd. | 3,116 | 8,931 |
| Halim Tours and Travel Sdn. Bhd. | 287 | 34 |
| Hass Incentives Sdn. Bhd. | 880 | - |
| Naquina NQ Inbound Tours | 898 | - |
| PGGMB Travel Services | 79 | - |
| Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. | 251 | 249 |
| Trandie Marine Resorts Sdn. Bhd. | 1,403 | 1,765 |
| H.T.H. Travel Agency | 42 | - |
| Continental Yatching Sdn. Bhd. | - | 118 |
| Mona Florafauna Tours Enterprise | - | 2,280 |
| Bonasia Holiday Management Services | - | 2,899 |
| Pronine Marketing Communications Sdn. Bhd. | - | 1,481 |
| Grand Total | 49,207 | 48,690 |

Sumber: Brunei Tourism, Ministry of Industry & Primary Resources, Brunei Darussalam.

Seperti dalam perkhidmatan perhotelan, agen pelancongan juga menghadapi masalah yang sama, iaitu kekurangan tenaga mahir. Pada masa ini lebih kurang 30% daripada tenaga mahir agen pelancongan merupakan imigran. Dalam pada itu hampir keseluruhan pemandu pelancong terdiri daripada tenaga kerja asing. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya pencurian kaki tangan berkualiti daripada syarikat-syarikat yang bersaing.

Dalam pada itu, agen pelancongan di Brunei tidak mempunyai hubungan dan kerjasama dengan agen-agen pelancong antarabangsa. Ini menyebabkan tindakan untuk mempromosi Brunei sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dan pengedaran bahan-bahan pemasaran pelancongan kurang berkesan. Keadaan bertambah parah lagi dengan kurangnya tindakan susulan dan pameran pelancongan, yang sepatutnya diadakan oleh Jabatan Pelancongan Brunei.

Pengangkutan

Pengangkutan amat penting dalam memajukan sektor pelancongan. Ketidakterkesan perkhidmatan pengangkutan awam, boleh menimbulkan kesulitan kepada pelancong. Di Brunei perkhidmatan teksi persendirian adalah mahal, dan kerap tidak menggunakan meter. Selain daripada itu sukar untuk mendapatkan perkhidmatan teksi dan kerap perlu ditelefon terlebih dahulu untuk mendapatkan perkhidmatannya.

Sementara perkhidmatan bas hanya mempunyai enam jaluran sahaja. Perkhidmatan bas hanya memenuhi keperluan penduduk tempatan dan buruh asing berpendapatan rendah. Bas tidak dapat memberi perkhidmatan kepada pelancong, khususnya pelancong kualiti yang menjadi sasaran perancangan pembangunan pelancongan Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini perkhidmatan bas kebanyakannya tidak sampai ke tempat-tempat tarikan pelancong. Bas-bas khas yang sampai ke tempat tarikan pelancong menghadapi masalah kekurangan tempat meletak bas.

Selain daripada itu, perkhidmatan bas menjadi kucar kacir dan timbul masalah apabila pelancong datang dalam jumlah yang banyak. Ini dapat dilihat apabila kapal persiaran berlabuh di Muara. Setakat ini pengusaha bas cuba mengatasinya dengan menyewa bas dari Limbang dan Miri, Sarawak. Menyentuh soal kapal persiaran, Brunei terpaksa menghadapi persaingan pasaran yang hebat jika ingin menceburinya. Ini disebabkan perkhidmatan dan terminal kapal persiaran negara-negara Asia Tenggara sudah mapan.

Dari segi pengangkutan udara, hubungan perkhidmatan udara antarabangsa yang melibatkan Brunei adalah terhad. Ini sukar untuk diatasi kerana Brunei merupakan sebuah negara yang kecil dan mempunyai bilangan penduduk yang sedikit. Keadaan yang demikian, menyebabkan sukar bagi Brunei untuk bersaing dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain yang telah menjadi "transport hub", seperti Singapura, Kuala Lumpur, dan Bangkok. Tambahan lagi negara-negara Asia Tenggara telah mempunyai pelbagai kemudahan dan perkhidmatan berkualiti tinggi yang dapat meraih pasaran antarabangsa. Bandar raya-bandar raya ini telah terkenal di seluruh dunia.

Pada tahun 2007, syarikat penerbangan tambang murah iaitu Air Asia telah dibenarkan beroperasi di Negara Brunei Darussalam. Dijangkakan dengan adanya penerbangan Air Asia ke Brunei, lebih ramai pelancong luar terutama dari negara-negara Asia Tenggara akan datang melawat Brunei. Bagaimana pun keadaan sebaliknya berlaku, di mana rakyat Brunei yang lebih banyak keluar ke negara-negara Asia Tenggara. Perkara ini dapat dilihat sepanjang cuti sekolah, lebih-lebih lagi cuti sekolah hujung tahun di Negara Brunei Darussalam.

Restoran

Restoran di Brunei kebanyakannya tertumpu di bandar yang menyediakan pelbagai jenis makanan seperti masakan Melayu, Cina, dan antarabangsa. Bagaimana pun makanan antarabangsa kebanyakannya terdapat di hotel. Seperti yang telah dijelaskan di atas, Brunei melarang menyajikan minuman beralkohol, Ini telah mengurangkan keuntungan pengusaha restoran. Oleh sebab itu, sukar untuk menarik pelabur antarabangsa untuk melabur dalam bidang ini di Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu oleh sebab tiada kemudahan hiburan, pelancong

antarabangsa tidak tahu apa yang hendak dilakukan pada waktu petang dan malam.

Panduan pelancongan

Bagi pelancong yang telah mengunjungi Negara Brunei, mereka merasakan destinasi pelancongan negara itu kurang panduan pelancong. Sangat sedikit penjelasan mengenai tempat-tempat menarik di lokasi yang terlibat di Brunei. Ini menyebabkan pelancong tidak dapat memahami dan seterusnya menghayati tempat yang dilawati. Umpamanya, seseorang yang melawat Makam Sultan Bolkuah tidak dapat menghayati ketokohnya disebabkan maklumat yang terpapar sangat sedikit.

Kesimpulan

Dalam konteks antarabangsa, industri pelancongan di Brunei adalah masih "rebung". Pada masa ini industri pelancongan adalah kecil dan kurang diketahui di pasaran antarabangsa. Oleh itu banyak tindakan perlu diambil bagi membolehkan Brunei bersaing dengan negara-negara lain, khususnya negara-negara Asia Tenggara. Untuk itu satu perancangan yang teliti dan berhati-hati perlu diadakan supaya warisan negara, amalan, kepercayaan, budi pekerti dan cara hidup masyarakat Brunei tidak terganggu-gugat dan terhakis akibat kesan negatif daripada aktiviti pelancongan.

Perancangan pelancongan di Brunei perlu mengikut acuannya yang tersendiri, kerana Brunei mempunyai keunikan dan cabarannya yang tersendiri. Brunei perlu menegak, mengamalkan, dan mendaulatkan konsep "Melayu Islam Beraja". Nilai-nilai tinggi dalam falsafah ini tidak perlu dikorbankan kerana pembangunan pelancongan. Sekiranya Brunei tersungkur kerana kesan negatif pelancongan, wang, masa dan tenaga yang banyak diperlukan untuk memulihkan imej negara. Pengalaman Thailand akibat industri sek perlu dijadikan pengajaran.

Dalam hal ini, Brunei perlu mengetahui kumpulan pelancong yang benar-benar menjadi sasarannya. Menurut *Master Plan for Brunei Tourism*, sasaran pelancongan Brunei ialah pelancong berkualiti yang berwang dan bukannya pelancong murahan. Brunei perlu sedar akan kelebihan negaranya yang bersih, selamat dan selesa, yang amat disenangi oleh semua pelancong. Selain daripada itu, Brunei sebelum terlambat sudah sepatutnya memikirkan tentang pembangunan pelancongan mampan, yang memberi kesan minimum kepada alam sekitar.

Walau apa pun, sebelum melangkah ke hadapan Brunei perlu mengambil tindakan mengatasi masalah-masalah asas dalam industri pelancongan yang telah dikenal pasti. Seperti yang telah dibincangkan masalah persaingan harga, keterbatasan usaha mempromosi dan jaringan pemasaran, kekurangan tenaga kerja, lebihan agen pelancongan berlesen, ketidaklancaran perkhidmatan pengangkutan dan ketidakefisienan panduan pelancong adalah antara masalah semasa yang perlukan perhatian dan tindakan penyelesaian.

Bagaimanapun masalah tidak membenarkan penyajian minuman beralkohol dan tiadanya kemudahan hiburan di restoran, resort dan hotel adalah sesuatu yang perlu difikirkan semasak-masaknya. Dalam hal ini adakah Brunei perlu mengorbankan falsafah negara "Melayu Islam Beraja", kerana ingin mendapatkan

sedikit keuntungan daripada industri pelancongan melalui cukai alkohol dan hiburan. Sebagai sebuah negara yang teguh pegangan Islamnya, persoalan ini adalah jelas jawapannya iaitu yang haram tetap haram dan tidak ada kompromi dalam hal ini, tambahan lagi di masa ini negara-negara Asia Tenggara sedang memperkatakan, menyaring dan mengusahakan barangan dan makanan halal.

Selain daripada itu, perlu dikaji semula takrifan tentang istilah pelancong dalam konteks Brunei. Ini disebabkan perangkaan yang ditunjukkan di peringkat awal menyangsikan tentang bilangan pelancong Malaysia. Rakyat Malaysia yang masuk ke Brunei dalam tempoh masa yang singkat iaitu pulang hari atas tujuan menziarahi sahabat handai dan sanak saudara, dan mereka yang merentasi sempadan (seperti orang-orang Limbang, Sarawak yang berulang-alik ke Sabah melalui Brunei), adakah mereka dianggap pelancong. Sekiranya tidak, berapakah jumlah pelancong ke Negara Brunei Darussalam dalam erti kata yang sebenarnya.

"Kenali Negara Kitani" merupakan satu kempen untuk menggalakkan rakyat Brunei bercuti di dalam negara, seperti yang dilakukan di Malaysia iaitu "Cuticuti Malaysia". Persoalannya di sini Brunei merupakan sebuah negara kecil. Waktu yang diperlukan untuk melawat ke semua produk-produk pelancongan di negara ini, tidak memerlukan masa yang panjang. Mungkin sebilangan daripada produk-produk tersebut telah pun dilawati oleh rakyat Brunei semasa mereka masih kecil lagi. Oleh yang demikian untuk memajukan pelancongan dalam negeri, Brunei tidak harus mengekalkan kaedah pelancongan tradisi, yang hanya tertumpu pada kegiatan menziarahi lokasi-lokasi tarikan pelancong. Brunei perlu mengadakan pelancongan berasaskan aktiviti dan kegiatan di lokasi-lokasi sasaran, seperti kem motivasi, kem bina semangat, kursus jangka pendek, acara sukan lasak, pengembaraan dan lain-lain. Selain daripada itu, taman tema juga dapat dijadikan sebagai satu usaha untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Akhirnya, perlu ditegaskan bahawa perusahaan pelancongan di Negara Brunei Darussalam hanyalah merupakan satu usaha untuk mempelbagaikan ekonomi sahaja, bukannya sebagai sumber pendapatan utama negara. Dengan menyedari akan masalah sedia ada, dan persaingan yang belum pasti akan menangnya, Brunei tidak perlu melakukan pengorbanan dan pelaburan yang besar dalam memajukan perusahaan pelancongan negaranya.

Nota Hujung

* Kertas ini adalah berdasarkan kepada kajian lapangan yang telah dijalankan dari masa ke semasa sepanjang tahun 2005-2007, di bawah projek penyelidikan bertajuk "East Asean Growth (BIMP-EAGA): Antara Harapan dan Realiti". Projek ini ditaja oleh Universiti Malaya di bawah Projek Penyelidikan Fundamental FP083/2005C.

¹ Melayu merujuk kepada Melayu Brunei dan Melayu daripada negeri-negeri lain. Seperti yang digunakan di dalam Akta Kebangsaan Brunei 1961, Melayu Brunei secara resmi terdiri daripada orang-orang yang termasuk dalam salah satu kumpulan-kumpulan rakyat jati Bangsa Melayu, iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

² *Brunei Darussalam Key Indicators 2005*, Department of Economic Planning and Development, Prime Minister's Office, (Brunei Darussalam, 2006), hal. 1.

³ *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2005*, Jabatan Perdana Menteri, (Negara Brunei Darussalam, hal. 1 2005).

⁴ Ibid., hal. 137.

⁵ Ibid., hal. 77.

⁶ Ibid., hal. 78.

⁷ *The Green Heart of Borneo: Brunei Kingdom of Unexpected Treasures*, Ministry of Industry & Primary Resources, (Bandar Seri Begawan, tt.), hal. 1.

⁸ *Brunei Darussalam The Impact of Travel & Tourism on Jobs and The Economy*, (London: Worldtravel & Tourism Council, 2006).

⁹ Penjelasan lanjut sila lihat, *Borneo Bulletin Brunei Yearbook 2007*, hal. 76 - 104

¹⁰ Untuk mendapat penjelasan lanjut tentang lokasi-lokasi pelancongan di Negara Brunei Darussalam, sila *Explore Brunei*, (Ministry of Finance, Bandar Seri Begawan, tt.).

¹¹ *The Green Heart of Borneo*, hal. 6.

¹² Ibid.

¹³ Penjelasan lanjut sila lihat *Majalah BiG*, Vol. 02 Issue 02, (2007), hal. 13-16.

¹⁴ Mohamed Deli bin Ahmad, *Brunei Darussalam In Brief*, (Bandar Seri Begawan: 1997), Information Department, Prime Minister's Office, hal. 41.

¹⁵ Untuk mendapat penjelasan lanjut sila lihat *Peluang-peluang Pelaburan Di sektor Pelancongan dan Layanan*, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

¹⁶ Penjelasan lanjut tentang Tasek Marimbun sila lihat Awang Kassim bin Ismail, "Kawasan-kawasan Perlindungan dan Pemeliharaan Alam Semula jadi di bawah Pengurusan Jabatan Muzium-muzium Brunei: Satu Pengenalan", *Berita Muzium*, Bil. 2 Jilid 28, Jabatan Muzium-muzium Brunei, Kementerian Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, hal. 8-18.

¹⁷ Penjelasan lanjut sila lihat *Majalah BiG*, Vol. 01 Issue 04, (2006), hal. 12-16.

¹⁸ Penjelasan lanjut sila lihat *Majalah BiG*, Vol. 02 Issue 03, (Julai 2007), hal. 18-19.

¹⁹ Penjelasan lanjut sila lihat A.C. Watson, "Notes on the History of Bubongan Dua Belas, the British High Commissioner's Residence in Brunei", *The Brunei Museum Journal*, Vol. V, No. 2, (1982), hal. 37 - 104.

²⁰ *Majalah BiG*, Vol. 01 Issue 03, (Julai 2006), hal. 4.